



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN INOVATIF SECARA ATAS TALIAN DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS, TANJONG MALIM, PERAK, MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PEMBELAJARAN INOVATIF SECARA ATAS TALIAN DI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS, TANJONG MALIM, PERAK,
MALAYSIA**

BETTY HOONG KING CHING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN
JASMANI) DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah penasihat yang saya hormati, Dr. Rozaireen Bin Muszali kerana meluangkan banyak masa untuk memberikan bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar bagi membantu saya menyempurnakan Projek Tahun Akhir saya ini. Saya juga ingin mengucapkan beribuan terima kasih terhadap Dr. Norhazira Binti Abdul Rahim, selaku penyelaras subjek QJR3996 Projek Tahun Akhir Pendidikan Jasmani (A221) dengan memberi berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang amat berguna serta pelbagai cadangan yang sesuai kepada saya untuk membantu saya menjayakan Projek Tahun Akhir ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli keluarga saya khasnya ibu bapa saya iaitu Hoong Siew Hua dan Wong Thian Thian yang telah memberi semangat dan sokongan kewangan kepada saya sepanjang masa untuk menjayakan Projek Tahun Akhir ini. Tidak lupa juga terdapat bantuan dari rakan baik saya iaitu Agnes Hu Jing Jing dan semua rakan lain atas kesudian membantu dan memberi segala nasihat yang berguna bagi menghasilkan Projek Tahun Akhir ini. Pada akhirnya, saya ingin mengucapkan semula ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi bantuan kepada saya sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan Projek Tahun Akhir ini. Sekian terima kasih.





ABSTRAK

Perubahan pola pembelajaran pada masa ini secara besar-besaran di semua peringkat pendidikan akibat pandemik COVID-19. Kajian ini telah dijalankan bagi tujuan untuk mengenal pasti sama ada berkesan atau tidak terhadap pembelajaran inovatif secara atas talian dalam mahasiswa dan mahasiswi sem 7 bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) Dengan Kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dan soal selidik diedarkan secara rawak melalui *Google Form* kepada sampel kajian yang dipilih berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970) iaitu memerlukan sekurang-sekurang 52 sampel untuk menjawab daripada 59 populasi sampel. Nilai pekali kesahan bagi soal selidik ini ialah 1.00 dan nilai kebolehpercayaan ialah 0.77. Soal selidik ini mengandungi 35 soalan yang terdiri daripada 5 bahagian yang berbeza. *Microsoft Excel* digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis data bagi mengira min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan berdasarkan data-data yang diperoleh daripada soal selidik. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan medium pembelajaran atas talian sering digunakan oleh mahasiswa dan mahasiswi UPSI sekurang-kurangnya 2 hingga 5 kali seminggu dan *Google Search* merupakan medium pembelajaran atas talian yang paling kerap digunakan. Di samping itu, pembelajaran secara atas talian adalah berkesan kerana PNGS mahasiswa dan mahasiswi semasa pandemik COVID-19 adalah lebih tinggi jika berbanding dengan PNGS sebelum pandemik COVID-19.





EFFECTIVENESS OF INNOVATIVE ONLINE LEARNING AT SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY, TANJONG MALIM, PERAK, MALAYSIA

ABSTRACT

Changes in learning patterns are currently occurring on a large scale at all levels of education due to the COVID-19 pandemic. This study was carried out with the aim of identifying whether innovative online learning is effective for students in semester 7 of the Bachelor of Education (Physical Education) with Honours at Sultan Idris Education University, Perak. The design of this study is quantitative and the questionnaires have been distributed randomly through Google Form to the research sample selected based on Krejcie and Morgan (1970) which requires at least 52 samples to answer from the 59 sample population. The validity coefficient value for this questionnaire is 1.00 and the reliability value is 0.77. This questionnaire contains 35 questions consisting of 5 different sections. Microsoft Excel has been used to collect and analyze data to calculate the mean, standard deviation, frequency and percentage based on the outcomes obtained from the questionnaire. As a results, it shows that learning medium often used by UPSI students for at least 2 to 5 times a week and Google Search is the most frequently used online learning medium. In addition, online learning is effective because the PNGS of male and female students during the COVID-19 pandemic is higher as compared to the PNGS before the COVID-19 pandemic.





SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB 1	1
PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Definisi Operasional	10
1.7 Batasan/ Limitasi Kajian	13





1.8 Kepentingan Kajian	14
1.9 Rumusan	16
BAB 2	17
TINJAUAN LITERATUR	17
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Kajian Teori	18
2.3 Kerangka Teorikal Kajian	28
2.4 Kajian-kajian Berkaitan	29
2.5 Rumusan	39
BAB 3	40
05-4506832	
<pustaka.upsi.edu.my><td></td></pustaka.upsi.edu.my>	
f Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
Twitter PustakaTBainun	
Instagram ptbupsi	
METODOLOGI KAJIAN	40
3.1 Pendahuluan	40
3.2 Reka Bentuk Kajian	41
3.3 Populasi dan Sampel	42
3.4 Instrumen Kajian	43
3.5 Kerangka Prosedur Kajian	45
3.6 Kerangka Konseptual Kajian	46
3.7 Pengumpulan Data	47
3.8 Penganalisisan Data	48
3.9 Rumusan	49





BAB 4	50
DAPATAN KAJIAN	50
4.1 Pendahuluan	50
4.2 Demografi Responden	51
4.3 Kekerapan dan Kegunaan Medium Pembelajaran Atas Talian	54
4.4 Perbandingan PNGS Sebelum dan Semasa Pandemik COVID-19	60
4.5 Tahap Kepuasan Pembelajaran Atas Talian	62
4.6 Tahap Keinginan Meneruskan Pembelajaran Secara Atas Talian	64
BAB 5	66
PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	66
5.1 Pendahuluan	66
5.2 Perbincangan	67
5.3 Kesimpulan	73
5.4 Cadangan	74
RUJUKAN	75
LAMPIRAN	78





SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 : Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan, 1970	43
Jadual 4.1 : Latar Belakang Sampel Mengikut Jantina	51
Jadual 4.2 : Latar Belakang Sampel Mengikut Umur	52
Jadual 4.3 : Latar Belakang Sampel Mengikut Kaum	52
Jadual 4.4 : Latar Belakang Sampel Mengikut Agama	53
Jadual 4.5 : Kekerapan Medium Pembelajaran Atas Talian	54
Jadual 4.6 : Kegunaan Medium Pembelajaran Atas Talian	56
Jadual 4.7 : Perbandingan PNGS Sebelum dan Semasa Pandemik COVID-19	60
Jadual 4.8 : Keputusan Peperiksaan Akhir Sebelum Pandemik COVID-19 Lebih Baik atau Semasa Pandemik COVID-19 Lebih Baik	61
Jadual 4.9 : Tahap Kepuasan Pembelajaran Atas Talian	62
Jadual 4.10 : Tahap Keinginan Meneruskan Pembelajaran Secara Atas Talian Selepas Pandemik COVID-19	64





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 : Kerangka Infrastruktur Proses E-pembelajaran	22
Rajah 2.2 : Model Penilaian Kirkpatrick	27
Rajah 2.3 : Kerangka Teorikal Kajian	28
Rajah 3.1 : Kerangka Prosedur Kajian - Proses Pengumpulan & Penganalisisan Data	45
Rajah 3.2 : Kerangka Konseptual Kajian	46



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Menurut Aziz Ishak dan Aida Zuraina Mir Ahmad Talaat (2020), landskap pendidikan terutamanya dari sudut Pengajaran dan Pembelajaran telah berubah ekoran dari pandemik COVID-19. Jadi proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah berubah sejak tahun 2019 dari kaedah tradisional iaitu dijalankan secara bersemuka telah berubah kepada secara atas talian. Hal ini berlaku disebabkan penyebaran pandemik COVID-19 secara meluas di seluruh dunia dan mengakibat kadar kematian di keseluruhan dunia meningkat. COVID-19 adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh *severe acute respiratory syndrome coronavirus 2 (SARS-CoV-2)* yang menyebabkan seluruh dunia dilanda pandemik dan mengakibatkan berjuta-juta kematian (Juwairiah dan Roslinda, 2021). Maka bagi





mengelakkan kesan buruk pandemik COVID-19 ini berlaku di Malaysia maka Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terpaksa menghentikan proses Pengajaran dan Pembelajaran secara bersemuka dan bertukar kepada secara atas talian bagi memastikan mahasiswa dan mahasiswi dapat menyambung pembelajaran mereka dengan menerima ilmu pengetahuan yang betul dan profesional daripada pensyarah di samping dapat mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan pandemik COVID-19 (PKP) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya rantaian penularan COVID-19 ini dapat dikawal dan diputuskan dengan secepat mungkin. Fenomena pandemik COVID-19 telah banyak mengubah landskap kehidupan manusia. Ia telah memaksakan pensyarah dan mahasiswa serta mahasiswi menggunakan pelbagai jenis teknologi yang semakin canggih ini untuk membantu berkomunikasi antara sama satu lain.



Perkembangan pesat teknologi pada hari ini telah memberi impak yang sangat besar kepada hampir kesemua sistem di seluruh pelosok dunia (Ahmad Zaki et al., 2014). Teknologi yang semakin tinggi ini telah memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran atas talian dijalankan dengan lancar walaupun masih menghadapi pelbagai cabaran dan kekangan dalam penggunaan teknologi ini semasa Pengajaran dan Pembelajaran atas talian. Pengajaran dan Pembelajaran secara atas talian telah dilaksanakan secara meluas di peringkat sekolah sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Tujuannya adalah untuk memastikan semua pelajar serta mahasiswa dan mahasiswi dapat meneruskan pembelajaran mereka walaupun di bawah pengaruh pandemik COVID-19. Sebagai contoh, Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menggunakan MyGuru untuk menjadikan satu medium penting bagi mahasiswa dan



mahasiswa untuk menjalankan proses Pengajaran dan Pembelajaran atas talian mereka. Selain itu, MyGuru juga mempunyai pelbagai tapak yang berfungsi berbeza untuk membantu mahasiswa dan mahasiswa menerima pengumuman dan nota-nota daripada pensyarah, menghantar tugas mengikut masa dan lain-lain.

Terdapat juga medium lain yang dapat membantu mahasiswa dan mahasiswa dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran mereka seperti *Youtube*, *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram*, *Google Classroom*, *Google Meet*, *Webex* dan sebagainya. Berdasarkan medium-medium yang berbeza ini, gaya pembelajaran mahasiswa dan mahasiswa juga berbeza berdasarkan tujuan pembelajaran yang berbeza. Secara idealnya, pembelajaran mungkin perlu diteruskan menggunakan pelbagai pendekatan, sama ada pembelajaran dalam talian secara bersemuka (*Synchronous Learning*) ataupun secara tidak bersemuka (*Asynchronous Learning*) (Saifulazry Mokhtar et al., 2021). Sebagai contoh, *Google Meet* dan *Webex* sesuai digunakan untuk pembelajaran atas talian secara bersemuka dan *Youtube* serta *Facebook* sesuai untuk pembelajaran atas talian secara tidak bersemuka manakala *WhatsApp*, *Telegram* dan *Google Classroom* sesuai untuk menghantar dan menerima nota, hasil kerja, video dan komunikasi antara pensyarah dengan mahasiswa dan mahasiswa. Medium yang berbagai-bagai ini dipercayai dapat membantu mahasiswa dan mahasiswa dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran mereka atas syarat mempunyai pencapaian talian internet yang kukuh.

Bagi memastikan kaedah pembelajaran atas talian yang berkesan, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti pembinaan kawalan persekitaran, kepentingan

interaksi secara interaktif, latihan yang efektif dan berkesan, akses capaian teknologi yang maksimum, tahap piawaian yang standard, jaminan kualiti sumber yang tidak terhad serta sokongan institusi pendidikan yang menjalankan kaedah pembelajaran atas talian (Mohamad Idham Md Razak, 2020). Maka pencapaian internet yang lemah merupakan salah satu cabaran yang besar dan sukar diselesaikan bagi gaya pembelajaran secara atas talian. Masalah ini sering berlaku di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman yang tidak dikenakan liputan capaian internet atau walaupun mempunyai liputan internet tetapi tahap kelajuan internet amat teruk sehingga menyusahkan mahasiswa dan mahasiswi menjalankan pembelajaran mereka secara atas talian. Pengerusi Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS) negeri, Prof. Madya Dr. Abdul Jalil Ramli berkata, ibu bapa sering menyuarakan masalah tersebut setiap kali perjumpaan dan perkara terbabit telah pun dipanjangkan kepada pihak bertanggungjawab sebelum ini, namun isu berkenaan tidak pernah selesai (Utusan Malaysia, 2021).

Oleh itu, suatu kajian telah dijalankan bagi menentukan keberkesanan pembelajaran inovatif secara atas talian dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuannya adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang kerap digunakan dan keberkesanan gaya pembelajaran tersebut dalam membantu mahasiswa dan mahasiswi (UPSI) dalam meningkatkan PNGS mereka. Hal ini demikian kerana hasil kajian keberkesanan pembelajaran inovatif secara atas talian ini dapat membantu penyelidik lain menentukan pembelajaran atas talian ini berkesan atau tidak. Kajian yang telah dijalankan ini diharapkan dapat menjadi suatu rujukan yang berguna bagi penyelidik yang seterusnya yang ingin mengaji dalam bidang yang sama atau



topik yang serupa.

Walau bagaimanapun, teknologi yang tiada batasan dan sempadan, yang mana sentiasa berkembang dari sehari ke sehari, ditambah galakan yang berterusan daripada pihak kementerian telah mencetuskan satu fenomena sihat dalam kalangan penyelidik bidang P&P untuk mengetengahkan pelbagai kajian berkaitan penggunaan teknologi dalam P&P (Ahmad Zaki et al., 2014). Maka pembelajaran inovatif secara atas talian ini amat diperlukan terutamanya dalam fenomena pandemik COVID-19 ini supaya mahasiswa dan mahasiswi dapat menggunakan pelbagai teknologi yang canggih ini dengan membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran berdasarkan medium yang berbeza tersebut. Pada akhir sekali, pembelajaran inovatif secara atas talian ini diharapkan dapat membantu dari segi pendidikan mahasiswa dan mahasiswi supaya dapat melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan sehingga dapat mewujudkan suatu masyarakat yang makmur dan harmoni. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2022), pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada saat ini, kebanyakan mahasiswa dan mahasiswi sudah berasa kebiasaan terhadap proses Pengajaran dan Pembelajaran dijalankan secara atas talian. Hal ini disebabkan





pandemik COVID-19 ini sudah menyebar di Malaysia selama dua tahun lebih bagi mengelakkan pandemik COVID-19 ini disebarluaskan secara luas. Jadi Kementerian Pengajian Tinggi telah meminta semua pihak pengurusan pengajian tinggi menghentikan semua aktiviti bersemuka dalam kampus termasuk sesi pengkuliahan. Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2020), Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) merujuk kepada Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 27 Mei 2020 berkenaan Pengendalian Aktiviti Akademik Di Kampus Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memaklumkan bahawa semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020 dan semua aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan. Selepas itu, pandemik COVID-19 ini telah disebarluaskan semakin serius di Malaysia maka penangguhan kemasukan pelajar IPT telah berlaku secara turut-menurut sehingga tahun 2022.

Medium untuk pembelajaran atas talian yang matang juga banyak di pasaran dan boleh digunakan secara percuma oleh mahasiswa dan mahasiswi sekarang. Dalam dua tahun ini (2020 hingga 2022), kebanyakan mahasiswa dan mahasiswi telah mahir dengan menggunakan pelbagai medium atau aplikasi yang sesuai untuk membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Jumlah kemasukan pelajar yang begitu ramai di beberapa buah institusi pengajian tinggi ini menunjukkan e-pembelajaran telah diterima sebagai setaraf dengan pembelajaran konvensional. Sehubungan dengan itu, suatu kajian telah dijalankan bagi tujuan mengenal pasti keberkesanan pembelajaran inovatif secara atas talian berdasarkan pelbagai medium yang berbeza yang telah digunakan dalam kalangan



mahasiswa dan mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022).

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2020), situasi pandemik akibat penularan sejenis virus baharu jenis Korona yang menyebabkan wabak COVID-19. Wabak COVID-19 ini



05 telah merebak ke seluruh dunia dengan begitu cepat termasuk juga Negara Malaysia.

Pandemik COVID-19 ini telah mengakibatkan semua sektor dalam Malaysia terpaksa berhenti dan ditutupkan termasuk juga sektor pendidikan. Dengan penutupan sektor pendidikan ini, sistem Pengajaran dan Pembelajaran telah berubah dari konvensional kepada secara dalam talian atau dikenali sebagai e-pembelajaran. Semasa pandemik COVID-19 ini, e-pembelajaran telah dilaksanakan dengan segera dan luas dalam institusi pengajian tinggi di seluruh negara Malaysia. Hal ini disebabkan merujuk kepada Advisory Note 1/2020 ‘Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca PKP COVID-19’ yang dikeluarkan MQA pada 29 Mac 2020, PPT (yang mengendalikan program secara konvensional) telah diberikan fleksibiliti untuk mengendalikan PdP bagi kursus-kursus secara *online/ remote learning* (Kementerian Pengajian Tinggi, 2020).



Berbagai-bagai medium atau platform yang sesuai untuk digunakan dalam e-pembelajaran mahasiswa dan mahasiswi pada masa pandemik COVID-19 ini seperti *Youtube, Facebook, WhatsApp, Telegram, Google Classroom, Google Meet, Webex* dan sebagainya. Menurut Izyan Izzati Kamsani dan Aishah Mahat, (2021), platform ini juga dapat membantu pelajar mengikuti e-pembelajaran dengan lebih teratur dan tersusun. Maka suatu kajian telah dijalankan untuk mengenalpastikan keberkesanan pembelajaran inovatif secara atas talian berdasarkan medium yang berbeza dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Terdapat beberapa masalah yang ingin dikaji dalam kajian ini iaitu berapa kali mahasiswa dan mahasiswi UPSI menggunakan gaya pembelajaran inovatif secara atas talian semasa sesi pengkuliahan? Masalah yang kedua ialah apakah gaya pembelajaran inovatif secara atas talian yang kerap



05-

digunakan oleh mahasiswa dan mahasiswi UPSI? Masalah yang terakhir ialah adakah gaya pembelajaran inovatif secara atas talian dengan medium yang berbeza ini berkesan dalam membantu menambahbaikan PNGS mahasiswa dan mahasiswi UPSI? Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, masalah-masalah yang telah dinyatakan di atas diharapkan dapat dijawab dengan sempurna selepas tamat kajian dan hasil kajian dapat menjadi satu sumber rujukan yang berguna untuk penyelidik yang seterusnya.





1.4 Objektif Kajian

Objektif-objektif bagi kajian bertajuk “ Keberkesanan Pembelajaran Inovatif Dalam Atas Talian” ialah :

- i. Menentukan kekerapan mahasiswa dan mahasiswi UPSI menggunakan gaya pembelajaran inovatif secara atas talian semasa sesi pengkuliahan.
- ii. Mengenal pasti gaya pembelajaran inovatif secara atas talian yang kerap digunakan oleh mahasiswa dan mahasiswi UPSI.
- iii. Menentukan keberkesanan pembelajaran berdasarkan gaya pembelajaran inovatif secara atas talian menerusi PNGS mahasiswa dan mahasiswi UPSI.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Berapa kali mahasiswa dan mahasiswi UPSI menggunakan gaya pembelajaran inovatif secara atas talian semasa sesi pengkuliahan?
- ii. Apakah gaya pembelajaran inovatif secara atas talian yang kerap digunakan oleh mahasiswa dan mahasiswi UPSI?



- iii. Adakah gaya pembelajaran inovatif secara atas talian dengan medium yang berbeza ini berkesan dalam membantu menambahbaikan PNGS mahasiswa dan mahasiswi UPSI?

1.6 Definisi Operasional

Definisi operasional variabel adalah bagaimana menemukan dan mengukur variabel-variabel tertentu di lapangan dengan merumuskan secara singkat dan jelas, serta tidak menimbulkan berbagai tafsiran (Sutama, 2020). Definisi operasional bagi istilah-istilah yang sering wujud dalam kajian ini boleh dijelaskan seperti berikut:

1.6.1 Keberkesanan

Menurut “ The Concise Oxford Dictionary of Current English (1995) ” dalam kajian Yap Ji Lin dan Siti Rahaimah Ali (2018). Keberkesanan bermaksud penghasilan kesan, akibat atau kesimpulan yang dihajati dari perspektif penyelidik dan pentadbir. Keberkesanan merujuk kepada kegunaan sepenuhnya sumber untuk meningkatkan jumlah dan mutu hasil yang dikeluarkan. Definisi keberkesanan adalah berdasarkan tahap pengukuran yang telah ditetapkan. Melalui kajian ini, keberkesanan merujuk kepada tahap pencapaian mahasiswa dan mahasiswi UPSI meningkat atau tidak berdasarkan PNGS mahasiswa dan mahasiswi UPSI sebelum



dan selepas pembelajaran inovatif secara atas talian.

1.6.2 Pembelajaran Inovatif Atau Inovasi

Menurut Nurtain Ansyar (1991), inovasi adalah idea, tindakan, atau sesuatu yang baru dalam konteks sosial tertentu untuk menyelesaikan masalah yang sedia ada. Jadi inovasi merupakan suatu usaha untuk berubah ke arah penambahbaikan yang lebih baik dan baru (Nurdyasnyah dan Andiek, 2015). Pembelajaran inovatif berdasarkan proses pembelajaran yang menghayati, membentuk semula, atau mengubah pemahaman maklumat baharu tentang bahan oleh pelajar (Nurdyasnyah dan Andiek, 2015). Maka dalam kajian ini inovatif atau inovasi merujuk kepada kaedah pembelajaran secara atas talian mahasiswa dan mahasiswi bagi membantu mereka memahami dan membina pengetahuan berdasarkan pelbagai medium pembelajaran yang sedia ada.

1.6.3 Pembelajaran Secara Atas Talian

Pembelajaran merupakan bantuan yang diberikan pendidik agar dapat terjadi proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan pada peserta didik. Pembelajaran dalam talian adalah satu sistem yang boleh memudahkan pelajar belajar dengan lebih meluas,





lebih banyak dan berbagai. Maka pembelajaran secara atas talian boleh ditaksir sebagai suatu proses untuk membantu mahasiswa dan mahasiswi menerima, menguasai dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari melalui platform pembelajaran atas talian.

1.6.4 Medium Atau Platform Pembelajaran

Menurut Said dan Noor (2021), platform pembelajaran adalah satu set interaktif perkhidmatan jalur lebar yang menyediakan pelatih ataupun guru, pelajar dan individu yang terlibat dengan pendidikan yang memerlukan informasi, alat dan sumber untuk menyokong dan meningkatkan penyampaian dan pengurusan pendidikan. Platform pembelajaran juga digunakan dalam pembelajaran segerak (*synchronous learning*) yang melibatkan guru bersemuka dengan pelajar secara maya. Antara medium atau platform untuk pembelajaran secara atas talian termasuklah *Youtube*, *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram*, *Google Classroom*, *Google Meet*, *Webex*, *Zoom* dan sebagainya.

1.6.5 Mahasiswa Dan Mahasiswi

Mahasiswa dan mahasiswi merupakan pelajar yang berdaftar berumur 18 hingga 25 tahun dan menjalani pendidikan atau akademik mereka di pengajian tinggi





seperti politeknik, sekolah menengah, institut dan universiti (Nurnaini, 2014). Mahasiswa dan mahasiswi juga boleh dikenali sebagai pelajar yang mempunyai tahap ijazah yang lebih tinggi daripada orang lain. Predikat ini diberikan kepada pelajar kerana ilmu yang diperoleh oleh pelajar datang dari universiti. Selain itu, mata pelajaran yang dipelajari mempunyai tahap yang lebih tinggi daripada sekolah biasa (Iren, 2007 dalam Rozaq, 2014). Di sini, mahasiswa dan mahasiswi merujuk kepada pelajar yang menjalankan proses Pengajaran dan Pembelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) UPSI.

1.7 Batasan/ Limitasi Kajian



Batasan kajian ini, penyelidik tidak ingin mengkaji secara umum atau besar-besaran maka penyelidik membataskan kajian ini supaya dapatan kajian adalah memuaskan untuk kajian yang telah dijalankan ini. Batasan kajian dalam penyelidikan ini ialah :

- i. Sampel yang dipilih untuk kajian ini ialah mahasiswa dan mahasiswi sem 7 bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) Dengan Kepujian dan dipilih secara rawak.

- ii. Kaedah pengumpulan data kajian ialah soal selidik.



- iii. Jumlah soalan dan soalan yang ditanya dalam soal selidik adalah ditetapkan oleh penyelidik diri sendiri.
- iv. Jawapan yang tidak lengkap akan dibatalkan dan tidak digunakan dalam penganalisisan data kajian.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada mahasiswa dan mahasiswi dalam memilih cara pembelajaran mereka berdasarkan keperluan masing-masing. Kajian ini dapat memberi gambaran sebenar terhadap kebaikan pembelajaran inovatif secara atas talian terhadap mahasiswa dan mahasiswi dan halangan yang akan menghadapi semasa menggunakan kaedah pembelajaran atas talian ini. Mahasiswa dan mahasiswi juga boleh mengetahui apakah medium atau platform yang sesuai untuk digunakan dalam pembelajaran atas talian dan kegunaan medium atau platform tersebut dalam membantu proses pembelajaran mahasiswa dan mahasiswi. Platform pembelajaran yang baik akan mempengaruhi hasil daripada proses pembelajaran yang dijalankan seperti dapatan ilmu yang jelas, dapat menumpukan perhatian dan tidak ada sebarang gangguan daripada platform yang digunakan (Said dan Noor, 2021).

Selain itu, pembelajaran secara atas talian ini tidak akan tersekat oleh kawasan dan masa atas syarat mempunyai liputan internet yang bagus. Sebagai contoh, jika mahasiswa



dan mahasiswa ingin mencari maklumat yang diperlukan maka kebiasaan mereka akan pergi perpustakaan dan masa yang dibenarkan berada di perpustakaan akan dilimit oleh pihak pengurusan perpustakaan serta bukan semua buku atau sumber rujukan boleh dipinjam keluar. Menurut Riyana dan Pd,M (2020), melalui medium yang disediakan oleh sistem, pelajar boleh belajar pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa dihadkan jarak, ruang dan masa.

Pembelajaran inovatif secara atas talian juga dapat mengelakkan pengaruh daripada gangguan luar yang akan menjelaskan fokus mahasiswa dan mahasiswa semasa mempelajari sesuatu. Terdapat pelbagai gangguan yang pelajar hadapi seperti gangguan daripada adik beradik, bunyi bising, ruang belajar yang panas, dan sebagainya. Gangguan-

05-gangguan tersebut menyebabkan pelajar tercincir daripada mendapatkan maklumat penting sekali gus menurunkan prestasi akademik pelajar (Said dan Noor, 2021). Hal ini demikian kerana e-pembelajaran ini dapat dijalankan di mana-mana tempat yang diingini seperti siber kafe, perpustakaan dan sebagainya serta masa pembelajaran juga bebas sama ada pagi, petang, malam atau waktu subuh mengikut kesesuaian masing-masing. Dengan itu, hasil kajian ini amat penting dan berguna untuk mahasiswa dan mahasiswa dalam proses pembelajaran mereka terutamanya semasa pandemik COVID-19 ini.





1.9 Rumusan

Secara ringkasnya, kajian ini dijalankan bagi tujuan mengenal pasti keberkesanan pembelajaran inovatif secara atas talian terhadap mahasiswa dan mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris semasa pandemik COVID-19 ini. Selain itu, hasil kajian ini boleh membantu menentukan pembelajaran inovatif atas talian ini berkesan atau tidak dan adakah ia sesuai dipromosi dengan lebih luas supaya dapat digunakan oleh lebih ramai mahasiswa dan mahasiswi tentang e-pembelajaran dan dapat membantu memperkayakan cara pembelajaran mahasiswa dan mahasiswi kerana proses pembelajaran mereka dapat dijalankan secara serata-rata tanpa mengira kawasan atau masa. Dengan adanya e-pembelajaran, proses pembelajaran mahasiswa dan mahasiswi diharapkan dapat dijalankan dengan lebih mudah dan seronok.

